

01 NOV 1999

MAHATHIR-BSKL

PARA PELABUR TIDAK PERLU BIMBANG BERIKUTAN KEJATUHAN SAHAM PAGI INI

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati para pelabur agar tidak terlalu bimbang dengan kejatuhan harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pagi ini.

Kejatuhan itu adalah berikutan keputusan Morgan Stanely International Inc menangguhkan penyertaan semula Malaysia ke dalam indeks petunjuknya.

"Apa yang sepatutnya dilihat oleh para pelabur ialah keuntungan-keuntungan sebenar syarikat," kata beliau kepada pemberita hari ini.

Pada asalnya, Malaysia telah dijadual untuk dimasukkan semula ke dalam MSCI pada 29 Feb 2000, tetapi telah ditangguhkan sehingga 31 Mei, 2000.

Menurut MSCI, penangguhan selama tiga bulan itu ialah untuk mengelakkan ketidak-tentuan pasaran dan kebimbangan sama ada terdapat gangguan sistem komputer pada tahun kabisat.

Tahun depan adalah kabisat di mana bulan Februari mempunyai 29 hari. Ini berlaku sekali dalam empat tahun.

Indeks Komposit Kuala Lumpur mengakhiri sesi urusan pagi 15.28 mata lebih rendah atau 2.06 peratus kepada 727.59.

Pada sesi pagi, indeks komposit dibuka pada paras 740.14 berbanding dengan penutup pada hari Jumaat iaitu 742.87.

MSCI mengumumkan pada Ogos tahun ini yang Malaysia akan dimasukkan semula ke dalam senarai indeksnya mulai Februari 2000 jika terdapat tiada sebarang perubahan kelonggaran had ke atas kemasukan portfolio asing yang dilaksanakan oleh Malaysia pada 1 Sept, 1998.

Kawalan-kawalan modal itu yang antaranya termasuk tempoh 12 bulan moratorium untuk pelabur asing di Malaysia, mendorong MSCI mengeluarkan Malaysia daripada senarai indeksnya mulai akhir tahun 1998.

Mengenai telefoni Internet Dr Mahathir berkata kerajaan masih lagi membahaskan sama ada lesen perlu dikeluarkan bagi syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan internet.

Bagaimanapun, katanya jika Malaysia membenarkan telefoni Internet tanpa lesen, syarikat-syarikat telefon yang menyediakan prasarana untuk internet akan kerugian.

Beliau juga membidas bank-bank kerana enggan membiayai syarikat-syarikat internet. Bank-bank tidak ubah seperti pemberi pinjaman yang mahukan tanah sebagai cagaran, tambahnya.

Perdana menteri berkata bank sepatutnya menjadi pemodal teroka dan mengkaji pembiayaan untuk perusahaan-perusahaan baru.

-- BERNAMA

AD/MFJ AA MA